

01 MAY 1996

Mahathir-Labuan

PM YAKIN LEBIH BANYAK PELABURAN AKAN MENGALIR KE LABUAN

LABUAN, 1 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Labuan akan dapat menarik lebih banyak pelaburan apabila Taman Kewangan Labuan di sini siap pembinaannya.

Beliau berkata taman itu akan dapat menyediakan ruang yang mencukupi bagi pelabur, terutama mereka dalam sektor kewangan luar pesisir.

Kira-kira 50 bank dan institusi kewangan telah menunjukkan minat untuk memulakan operasi menerusi Labuan, katanya kepada pemberita sebelum melawat Taman Kewangan berharga RM400 juta itu di sini.

"Terdapat ruang pejabat yang mencukupi bagi mereka untuk beroperasi tetapi hotel pada pendapat saya belum mencukupi," katanya ketika ditanya sama ada terdapat kemudahan yang mencukupi termasuk ruang pejabat bagi pelabur.

Dr Mahathir, yang gembira mendengar mengenai kemajuan pembinaan taman itu, berkata beliau yakin bahawa lebih banyak pelabur, terutama yang berurusan dalam perniagaan kewangan luar pesisir, akan datang dan mewujudkan perniagaan di sini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini dari Pulau Layang-Layang pada tengah hari, berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengakhiri lawatan dua jam ke blok utama dan dewan pelbagai guna taman itu.

Sebelum itu, Dr Mahathir berada di Brunei untuk lawatan kerja sehari. Beliau menemui Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan semalam.

Sementara itu, Pengawal Kewangan Financial Park Labuan Sdn Bhd Willie Lau memberitahu Bernama, 35 syarikat kewangan luar pesisir termasuk bank dari pelbagai negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Eropah dan Singapura telah memulakan operasi mereka di blok utama taman itu.

Beliau berkata taman itu, yang terletak di kawasan seluas 4.46 hektar, mengandungi enam bangunan, termasuk dua blok kondominum, tiga bangunan pejabat dan sebuah dewan pelbagai guna. -- BERNAMA

ARA AKD